



05 FEB, 2021

## Premis perniagaan dan pusat keagamaan digalakkan perluas konsep Food Bank

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### Premis perniagaan dan pusat keagamaan digalakkan perluas konsep Food Bank

**KUALA LUMPUR:** Semua premis perniagaan dan pusat keagamaan digalakkan memperluaskan konsep 'Food Bank' bagi meringankan beban rakyat serta membantu kelangsungan hidup mereka, kata Pengerusi Kaukus Jawatankuasa Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara Senator Datuk Razali Idris.

Beliau berkata, setiap premis perniagaan bukan sahaja di pasar raya berskala besar atau sederhana, tetapi juga pasar basah, pasar tani, pasar malam, kedai runcit, restoran, kedai cermin mata, kedai farmasi dan stesen minyak boleh menyediakan tempat khas bantuan barangan keperluan asas bagi tujuan itu.

"Walaupun perniagaan dan ekonomi tidak menentu sekarang, ia bukan paksan kepada

setiap premis perniagaan untuk menyediakan ruang Food Bank tetapi sekadar sebagai tanggungjawab terpuji dan bergantung kepada kemampuan masing-masing.

"Pusat keagamaan seperti pengurusan surau, masjid, tokong, kuil dan gereja juga boleh menyokong konsep Food Bank ini dengan lebih meluas kerana keberadaan pusat keagamaan ini sangat dekat dalam kelompok komuniti," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Razali berkata, konsep Food Bank yang digerakkan secara bersepadu dalam kalangan warganegara Malaysia turut memberi impak efektif kepada kerajaan yang melaksanakan Program Bakul Makanan. — Bernama



05 FEB, 2021

## Premis perniagaan dan pusat keagamaan digalakkan perluas konsep Food Bank

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Semua premis perniagaan dan pusat keagamaan digalakkan memperluaskan konsep 'Food Bank' bagi meringankan beban rakyat serta membantu kelangsungan hidup mereka, kata Pengerusi Kaukus Jawatankuasa Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara Senator Datuk Razali Idris. Beliau berkata, setiap premis perniagaan bukan sahaja di pasar raya berskala besaratausederhana,tetapijuga pasar basah, pasar tani, pasar malam, kedai runcit, restoran, kedai cermin mata, kedai farmasi dan stesen minyak boleh menyediakan tempat khas bantuan barangan keperluan asas bagi tujuan itu.